



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**KAJIAN RITUAL DI DALAM PERSEMBAHAN TARIAN
BUJANG GANONG**

Nooratika binti Pungot

(52912)

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Program Drama dan Teater)
2018**

KAJIAN RITUAL PERSEMBAHAN TARIAN BUJANG GANONG

NOORATIKA BINTI PUNGOT

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda
Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Program Drama dan Teater)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 7th day of June year 2018

Student's Declaration:

I Nooratika binti Pungot, 52912, Faculty Of Applied And Creative Arts hereby declare that the work entitled "*Kajian Ritual Di Dalam Persembahan Tarian Bujang Ganong*" is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

8 Jun 2018

Date submitted



Nooratika binti Pungot
(52912)

Supervisor's Declaration:

I Muhammad Qawiem bin Hamizan hereby certify that the work entitled "*Kajian Ritual Di Dalam Persembahan Tarian Bujang Ganong*" was prepared by the above name student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of Bachelor Of Applied Art With Honours (Drama and Theatre) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

Qawiem Hamizan
(Name of the supervisor)

Date: 8 Jun 2018

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√))

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*

OPEN ACCESS

I declare this Project/Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Services and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IR) (Please tick (√)):

YES

NO

Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:


- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself/ herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature



(7th June 2018)

Supervisor's signature:



(7th June 2018)

Current Address:

NO POS 58, KG PARIT DAUN, REZAB 4, 86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

[The instrument was prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Kajian Ritual Persembahan Tarian Bujang Ganong**' telah disediakan oleh **Nooratika binti Pungot** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Program Drama dan Teater**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

Qawiem Hamizan

(Muhammad Qawiem bin Hamizan)

Tarikh:

8 Jun 2018

PENGHARGAAN

Asalamualaikum dan selamat sejahtera. Bersyukur atas kurniaanya dengan berkat yang diberikan dapat saya menyiapkan penulisan ilmiah ini walaupun perlu menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Pertama kali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang banyak memberikan dorongan dan sokongan serta membantu daripada aspek kewangan sepanjang meneruskan pengajian di universiti ini. Hal ini terutamanya, kepada kakak kandung saya iaitu Normadiah binti Pungot berserta suaminya iaitu Wahab bin Sar yang telah memberi pengorbanan yang tidak terhingga sampai saat ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada bapa saya iaitu Allahyarham Hj. Pungot bin Abdul Ghani dan ibu iaitu Allahyarhamah Hj. Lanjar binti Hj. Salam. Walaupun mereka tiada di dunia ini, tetapi rasa cinta tetap disemai di dalam ingatan sehinggakan saya kuat untuk menghadapi segala rintangan. Seterusnya saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah Program Drama dan Teater yang banyak memberi tunjuk ajar bagi menyiapkan penulisan ilmiah ini. Terutamanya kepada penyelia saya Encik Muhammad Qawiem bin Hamizan yang sentiasa memberikan bimbingan serta nasihat sepanjang melakukan penulisan ilmiah. Turut tidak dilupai oleh pensyarah lain seperti Syarafina binti Abdullah dan Encik Ahmad Kamal Basyah bin Sallehudin sedikit sebanyak membantu saya memberikan pendapat atau cadangan sepanjang menjalankan penulisan ilmiah. Kebaikan dan keikhlasan yang diberikan oleh mereka hanya Allah S.W.T sahaja yang membalas. Tambahan lagi, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada informen saya iaitu Encik Miskon bin Karim memberikan kerjasama yang baik untuk memberi maklumat tentang kajian ini. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada

rakan-rakan Program Drama dan Teater juga membantu secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan penulisan ilmiah ini. Segala kenangan manis yang tercipta selama tiga tahun menjadi pelajar Program drama dan teater tidak akan sirna daripada lubuk ingatan. Semoga dengan kebaikan dan keikhlasan yang diberikan dapat Allah S.W.T balas di akhirat kelak.

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Halaman	
Penghargaan	i-ii	
Isi kandungan	iii-v	
Abstrak	vi	
Abstract	vii	
Senarai Rajah	viii	
Bab Satu: Pengenalan		
1.1	Pendahuluan	1-8
1.2	Skop Kajian	8
1.3	Permasalahan Kajian	8-9
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Kaedah Penyelidikan	11-12
1.8	Limitasi Kajian	12
1.9	Rumusan	12-13

Bab Dua: Sorotan Kesusasteraan

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Sejarah Dan Perkembangan Persembahan Topeng Di Indonesia	14-16
2.3	Fungsi Ritual Di Dalam Peralatan Muzik Tradisional	16-17
2.4	Klasifikasi Struktur Barongan Di Negeri Johor	17-18
2.5	Penggunaan Konsep-Konsep Ritual Di Dalam Tarian Tradisional	18-20
2.6	Permulaan Perkembangan Persembahan Topeng Di Indonesia	20-22
2.7	Kesenian Reog Dijadikan Sebagai Ilmu Pendidikan Di Penubuhan Pusat Kebajikan Di Jawa Timur, Indonesia	23-24

Bab Tiga: Metodologi Kajian

3.1	Pendahuluan	25
3.2	Data Primer	25
3.2.1	Kaedah Temubual	25-26
3.2.2	Kaedah Pemerhatian	26

3.3	Data Sekunder	26
3.3.1	Kajian Perpustakaan	26
3.3.2	Rakaman Video	27
3.4	Kerangka teori	28-31
Bab Empat: Dapatan Kajian		
4.1	Pendahuluan	32
4.2	Mengenal Pasti Unsur-Unsur Ritual Di Dalam Persembahan Tarian Bujang Ganong	32-36
4.3	Mengkaji Persembahan Tarian Bujang Ganong	37-39
4.4	Menghuraikan Persembahan Tarian Bujang Ganong Berdasarkan Ciri-Ciri Persamaan Genre Pada Teori "The Fan" Oleh Richard Schechner	40-45
4.5	Rumusan	46
Bab Lima: Kesimpulan Dan Cadangan		
5.1	Pendahuluan	47
5.2	Kesimpulan	47-48
5.3	Cadangan	49
Bibliografi		50-51
Lampiran		52-58

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persembahan tarian Bujang Ganong dan mengetahui unsur-unsur ritual di dalam persembahan tersebut. Kajian ini juga telah memilih kumpulan Setia Budi yang berasal dari Kampung Parit Nipah, Batu Pahat, Johor bagi mendapatkan maklumat terhadap kesenian Reog. Tarian Bujang Ganong menampilkan sesuatu keunikan di dalam persembahan. Melalui kajian ini, persembahan tarian Bujang Ganong menjelaskan ciri-ciri persamaan genre di dalam teori '*The Fan*' oleh Richard Schechner (1985). Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi pengetahuan dan juga sebagai wadah ilmu bagi masyarakat umum supaya dapat mengetahui keunikan yang terdapat di dalam persembahan tarian Bujang Ganong di Batu Pahat, Johor.

ABTRACT

This research aims to study the Bujang Ganong dance performance and its elements ritual. The Setia Budi group from Kampung Parit Nipah, Batu Pahat, Johor has been chosen for collected more information towards Reog aesthetic that display the unique of Bujang Ganong dance performance. Through this study, the Bujang Ganong dance performance will be explained based on the genre characteristic similarity in 'The Fan' theory by Richard Schechner (1985). The importance of this research is to contribute a knowledge and awareness to community for better understand on the unique and aesthetic that found inside Bujang Ganong dance performance in Batu Pahat, Johor.

SENARAI RAJAH

Tajuk	Halaman
3.4 Kerangka Teori	28-31
3.4.1 Teori " <i>The Fan</i> " Oleh Richard Schechner	28
3.4.2 Gambar rajah Nota Rujukan Pengkaji	29
4.2 Mengenal pasti Unsur-Unsur Ritual Di Dalam Persembahan Tarian Bujang Ganong	32-36
4.2.1 Pemain Alatan Muzik Dan Sajian Diletakkan Di Hadapan Penari	36
4.2.2 Topeng Bujang Ganong Dikemenyankan	36
4.3 Mengkaji Persembahan Tarian Bujang Ganong	37-39
4.3.1 Topeng Bujang Ganong Atau Pentulan	39
4.3.2 Topeng Bujang Ganong Dikemenyankan	39

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Berdasarkan Wickham. G (1993) menjelaskan sejarah kewujudan teater di Asia Tenggara berasal daripada pengaruh dramatari India pada awal abad sehingga tersebar ke tenggara di Ceylon, Burma, Kemboja, Malaysia dan Indonesia. Di sana menjadi tumpuan utama melalui budaya asli yang sudah sedia ada. Berdasarkan hal mengenai tarian daripada satu teks yang bertulis, ia didapati sebagai pusat pelbagai bentuk kesenian dramatik. Penjajah-penjajah Eropah yang menemuinya selepas abad ke-15. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat pembinaan kuil terbesar yang telah menyediakan persekitaran yang utama untuk membangunkan seni dramatik ke semua jenis negara. Kesenian tersebut hidup sebagai seni agama Buddha yang telah berkhidmat dan melahirkan kesenian tersebut. Hal ini adalah salah satu faktor kesenian yang dibawa oleh pribumi tetapi bersifat sederhana. Kesenian rakyat ini juga sebagai permulaan yang kemudiannya dibuka kearah kata-kata yang dapat dikenalpasti melalui perbezaan warisan dan budaya. Pengerak utama yang popular adalah tukang cerita dan pelawak. Kedua-duanya merupakan ciri-ciri penting di dalam sumber cerita yang ditokok tambah dan bersifat satira. Hal ini dapat dilihat daripada pelbagai contoh-contoh bentuk dramatari yang berasal dari India sangat terkenal sehingga dapat dibuktikan melalui Chaya-nataka atau mainan bayang. Dengan itu juga tukang cerita dijadikan tugas penting di dalam kemahiran bercerita, penari, penyanyi dan mimik melalui penggunaan patung atau *marionettes* yang dimainkan di belakang sebuah skrin sutera. Berdasarkan tugas tukang cerita ini diambil daripada epik Ramayana dan

Mahabharata dimana kehidupan mereka membawa adegan melalui rajah yang dibentuk sebagai karakter pelik daripada watak.

Brandon (1993) menyatakan tentang kewujudan teater Asia, fungsi dan kegunaannya kepada orang sekelilingnya. Berdasarkan daripada pembacaan pengkaji, buku ini menyatakan bahawa asal-usul kewujudan teater di seluruh negara Asia. Pengkaji mengfokuskan kepada teater yang berada di Malaysia dan Indonesia kerana berkait rapat dengan kajian. Berdasarkan teater yang wujud di Malaysia adalah adat-adat teater yang merangkumi pelbagai jenis seperti cerita-cerita epik, permainan puisi, pembawakan semangat-semangat metafizik yang menyumbang kepada perkembangan teater Melayu. Nyanyian epik dan penglipur lara masih wujud hingga kini melalui cerita epik Ramayana atau lagenda seperti cerita hikayat Melayu.

Terdapat kelainan pada penglipur lara iaitu Awang batil. Tugasnya adalah mengerakkan cerita-cerita epik agar tradisi-tradisi cerita ini menjadi satu cara untuk mewujudkan tradisi teater patung bayang. Nyanyian lagu dan permainan yang mempunyai dialog adalah sebagai bentuk bagi asas teater rakyat. Nyanyian pantun dan syair yang telah menjadi sebagai satu perhubungan dalam dunia alam Melayu. Selain itu, nyanyian yang bersahut-sahutan merupakan salah satu teater yang bercirikan Islam. Sebagai contoh dikir barat juga mempunyai ciri-ciri teater berbentuk islamik dan sering dimainkan di kampung yang terdapat di negeri Kelantan. Asal kewujudan nama permainan dikir barat adalah Sufi Chanting manakala di Thailand dikenali sebagai likay manakala pula di Indonesia adalah dikir. Tambahan lagi, terdapat juga teater yang mempunyai dua kumpulan yang mempersembahkan nyanyian dan liriknya boleh diimprovisasikan dan diulang semula oleh ahli kumpulan lain. Persembahan ini

dikenali sebagai boria yang mempunyai ritma dan lucu apabila pengulangan liriknya dibuat oleh ahli kumpulan tersebut dengan gaya yang tersendiri.

Pengkaji menerangkan bahawa tradisi-tradisi epik dapat menjana keperluan teater tradisional secara terperinci sehingga ia menjadi perkara yang dapat menghubungkannya kepada semangat atau roh. Pada umumnya muzik dan tarian serta drama diamalkan dalam konteks upacara bermusim dan ritual-ritual tertentu bagi mententeramkan roh. Oleh itu, semua jenis persembahan biasanya terbuka dan menggunakan mantera-mantera yang berhubung dengan roh atau semangat tersebut. Apabila wujudnya hubungan yang aman antara penari dan roh ia menjadikan penari sebagai satu medium berkomunikasi dengan roh. Melalui pemahaman pengkaji, antara contoh teater tradisional adalah ulek mayang dan ulek bandul di negeri Terengganu manakala tarian kuda kepang adalah kesenian di negeri Johor dan Selangor. Penari kuda kepang yang terdiri daripada kaum lelaki. Tarian kuda kepang mempunyai roh-roh kuda yang dapat memainkan aksi-aksi yang mengagumkan seperti berjalan di atas bara api, makan kaca dan daun kering. Selain itu, penari dabus boleh melakukan pergerakan silat dan tarian silat pencak serta bermain dengan senjata tajam seperti pisau atau kaca tetapi tidak mencederakan diri penari. Tarian kuda kepang merupakan kesenian yang sama seperti di Indonesia.

Mengikut pemahaman pengkaji bahawa konsep utama teater yang sangat penting di Indonesia terbahagi kepada empat iaitu wayang, jenis, gamelan, struktur improvisasi. Wayang merupakan tradisi patung pulau. Wayang menjadi terkenal berdasarkan pembacaan daripada skrol yang diwarna. Antara contohnya adalah wayang Beber dan wayang Kulit Purwa. Selain itu, konsep kedua yang diperkenalkan adalah jenis teater. Melalui penelitian pengkaji berdasarkan konsep teater adalah

mengfokuskan kepada watak pelakon yang mementingkan intipati pelbagai jenis watak daripada sekeping gambar yang realiti. Terdapat beberapa jenis konsep yang diperhalusi oleh golongan Bangsawan seperti mempunyai sifat berasa bangga dengan golongan aristokrat, pahlawan lelaki yang kuat, raja gergasi, dan pelawak yang terdapat di dalam kedua-dua persembahan seni patung. Kemudian, *genre* yang telah dicipta dengan pelbagai bentuk walaupun telah diperbaharui dengan jenis-jenis ciri asas berdasarkan substruktur teater seluruh Indonesia. *Rande* daripada halus ke kasar, watak-watak gagah dan kuat kesemuanya menjadi asas. Stail kedudukan badan seperti *mimetic action* dan dipadankan dengan pakaian serta menetapkan gerakan tarian yang sebenar untuk disesuaikan setiap jenis tarian. Sejak daripada kesemua tarian klasik dibentuk melalui ciri-ciri asas jenis maka semua jenis tarian digelar sebagai tarian dramatik. Selain itu, muzik juga merupakan komponen asas bagi persembahan tradisonal. Berdasarkan peranan dalam struktur improvisasi melalui persembahan tradisonal tidak menggunakan teks dan hanya memainkan lagu-lagu daripada peralatan muzik tradisonal semasa persembahan dimulakan. Berdasarkan *genre* dramatik yang mengikut peraturan membenarkan penari melontarkan dialog daripada teks atau lagu semasa persembahan.

Menurut Mohd Kipli Abdul Rahman (2010) kajian ini menerangkan bahawa asal-usul tarian Bujang Ganong yang mempunyai sejarahnya tersendiri. Pada awalnya, tarian Reog merupakan tarian yang popular di Indonesia. Tarian Reog mempunyai struktur tarian yang berbeza. Antara struktur tarian Reog seperti kuda kepang, tarian Bujang Ganong dan Barongan. Demikian, kesenian tersebut telah berlakunya asimilasi di mana tarian Reog menjadi satu kesenian tradisonal oleh masyarakat Jawa di kawasan Batu Pahat, Johor. Masyarakat Jawa yang berada di Johor juga telah

menjadikan tarian tersebut sebagai satu kebudayaan yang patut diwarisi oleh setiap generasi. Namun, pengkaji ingin mengfokuskan terhadap tarian Bujang Ganong kerana mempunyai kesenian yang unik. Tarian Bujang Ganong merupakan sejenis tarian yang melambangkan keberanian seseorang perwira suatu ketika dahulu. Sejarah tarian Bujang Ganong bermula dengan seorang pahlawan yang bernama Pujangganom atau Bujang Ganong yang telah menyatakan hasratnya untuk melamar seorang Puteri Samdiah Songgo Langit tetapi Puteri tersebut telah menetapkan syarat bahawa jika ingin berkahwin dengannya hendaklah membunuh singa barongan yang telah menyerang kampung di Keraton sendiri, Indonesia. Oleh itu, dengan segera Bujang Ganong bersama rakannya telah melaksanakan perintah Puteri Samdiah Songgo Langit dengan membunuh singa barongan di Alas roban iaitu dikaki Gunung Ngelawu. Setelah itu, Puteri tersebut telah menetapkan lagi syarat bahawa perlu membuat terowong bawah tanah yang dapat menghubungkan Gunung Ngelawu hingga ke daerah sendiri hanya pada satu malam sahaja. Dengan itu, Bujang Ganong telah melakukan sehingga majlis perkahwinannya telah disambut secara besar-besaran selama 40 hari 40 malam sehingga pada hari yang ke 100 hari itu, Puteri Samdiah telah bertukar jantina menjadi pondan dan ia tidak ingin diketahui oleh suaminya, akhirnya mengambil keputusan untuk membunuh diri. Selepas kejadian itu, Pujanganom atau nama lain Bujang Ganong sangat tertekan dan sedih. Pengkaji ingin menyatakan bahawa terdapat pelbagai versi sejarah dalam persembahan Reog sehingga sejarah Bujang Ganong tersebut menjadi versi yang kekal di Jawa Timur, Ponorogo.

Dengan usaha untuk mengembirakan hati Bujang Ganong tersebut, rakannya yang bernama Jokokelono telah mencipta satu permainan untuk menghilangkan kedukaan yang dirasai oleh rakannya tanpa disedari, Bujang Ganong berasa gembira

dengan kewujudan permainan yang mempunyai bunyi-bunyian dan menampakkan ia seperti persembahan seorang pahlawan yang beraksi untuk membunuh singa barongan. Permainan tersebut bertujuan untuk membuatkan Bujang Ganong gembira semula. Dengan adanya permainan rakyat bagi menyambut ulang tahun raja-raja pada ketika itu sehingga ia menamakan permainan tersebut Barongan. Disini, pengkaji dapat lihat bahawa tarian Bujang Ganong berkait dengan Reog kerana mengikut mitos Jawa persembahan Reog di Johor sering dimulakan dengan persembahan tarian kuda kepong dan disusuli dengan tarian Bujang Ganong.

Pengkaji ingin menyatakan bahawa setiap persembahan tradisonal mempunyai hubungan dengan metafizik. Berdasarkan pendapat pengkaji bahawa upacara ritual kebiasaannya dilakukan sebelum persembahan membuka panggung berlangsung. Demikian, pengkaji ingin menyatakan dengan adanya upacara ritual dapat menghubungkan spritual atau metafizik dalam persembahan tersebut. Berikut arikel Felixia (2008) pengkaji menjelaskan bahawa pergerakan penari tradisonal di Jawa, Indonesia mempunyai spritual. Penari tradisonal yang dapat berhubung dengan spritual berada dalam keadaan separa sedar sehingga setiap pergerakannya berlaku diluar kawalan. Sebagai contoh, penari kuda kepong yang mengalami kerasukan perlu disembuhkan oleh gambuh atau nama lain dukun. Gambuh akan melakukan upacara pemulihan dengan beberapa aspek ritual sehingga penari kuda kepong akan tersedar dengan sendirinya.

Oleh itu, pengkaji menjelaskan bahawa persembahan tradisonal memperoleh keunikannya yang tersendiri dan sering berkait dengan hubungan metafizik. Oleh itu, pengkaji ingin mengenal pasti ritual yang dilakukan di dalam persembahan tarian Bujang Ganong yang turut disertai oleh tarian kuda kepong. Pengkaji mengetahui

bahawa tarian Bujang Ganong ini menggunakan topeng berwarna merah. Tuntasnya, setiap persembahan topeng yang wujud di Asia dan pada ketika dahulu persembahan topeng kebanyakannya dipengaruhi oleh agama Hindu dan mula berkembang di kepulauan Jawa, Indonesia. Terdapat pelbagai jenis persembahan topeng di Bali, Indonesia yang sering menggunakan mantra atau aspek ritual di dalam persembahan topeng tersebut menurut Emigh (1996).

Berdasarkan Ulfah Rani mengenai definisi teater tradisional merupakan istilah bagi teater daerah yang menunjukkan sesuatu bentuk persembahan di mana pesertanya berasal dari daerah setempat dengan bersumberkan cerita-cerita yang berkisahkan sejarah dahulu. Hal ini dijadikan sebagai mitos atau amalan daripada negeri itu sendiri oleh segelintir masyarakat yang hidup di daerah tersebut. Berdasarkan teater tradisional ini juga dijadikan sebagai sesuatu yang dipadankan dengan adat istiadat, disesuaikan dengan keadaan latar sosial sesebuah masyarakat serta struktur geografi mengikut tempat masing-masing. Oleh itu, teater tradisional mempunyai ciri-ciri yang spesifik bagi sesuatu tempat dan juga menunjukkan sesuatu kebudayaan. Perkara pertama menunjukkan ciri-ciri teater tradisional adalah bahasa yang digunakan adalah bahasa setempat dan sering digunakan oleh masyarakat setempat. Selain itu, terdapat unsur nyanyian dan tarian serta dilakukan secara improvisasi. Tambahan lagi, ciri-ciri teater tradisional adalah interaksi antara pemain dengan penonton dan juga persembahan dilakukan di tempat yang terbuka seperti kawasan lapang atau halaman rumah. Akhir sekali, persembahan teater tradisional dimainkan di panggung yang sederhana dengan suasana yang selesa.

Pengkaji mengfokuskan pada persembahan tarian Bujang Ganong kerana struktur tarian tersebut mempunyai keunikannya dari segi kostum, pergerakan, dan

sejarahnya. Pengkaji ingin menerangkan struktur watak dalam tarian Bujang Ganong adalah penari lelaki yang berpakaian seperti pahlawan berwarna merah dan mempunyai topeng seperti badut iaitu muka berwarna merah mempunyai hidung yang panjang dan terdapat taring pada topeng tersebut. Dari segi pergerakan tarian Bujang Ganong mempamerkan pergerakan yang lincah, menampilkan aksi-aksi yang lucu seperti berjalan lenggang-lenggok dan berlari dengan cara improvisasi dan bersilat. Dalam tarian ini, pengkaji menerangkan bahawa tarian Bujang Ganong ini melambangkan seorang pahlawan yang berani mengikut mitos walaupun topeng Bujang Ganong ini menampilkan ciri-ciri yang menakutkan dan hodoh.

1.2 Skop Kajian

Berdasarkan kajian ini, pengkaji hanya mengfokuskan persembahan tarian Bujang Ganong dan mengetahui unsur-unsur ritual di dalam tarian Bujang Ganong. Oleh itu, pengkaji telah memilih kumpulan Setia Budi di Parit Raja, Batu Pahat. Selain itu, pengkaji menjelaskan persembahan tarian Bujang Ganong mengikut ciri-ciri persamaan genre berdasarkan teori "*The Fan*" oleh Richard Schechner (1985) supaya dapat mengklasifikasikan persembahan tradisional mempunyai unsur-unsur ritual.

1.3 Permasalahan Kajian

Tarian Bujang Ganong adalah salah satu seni tradisional masyarakat Jawa. Menurut artikel Maryaeni. (2008: 84) persembahan Reog merupakan persembahan utama dan membentuk persembahan lain seperti tarian kuda kepang dan Bujang Ganong. Selain itu, M. Irfan Riyadi, Anwar Mujahidin & Muh. Tasraf. (2016)

menyatakan persembahan Reog merupakan satu kesenian yang unik dari Ponorogo. Persembahan Reog berbentuk topeng harimau yang bersaiz besar dan diperbuat daripada bulu burung merak sebagai perhiasaan yang digelar sebagai dadak merak. Terdapat juga watak lelaki memakai topeng yang dikenali sebagai Prabu Kelono Sewandono atau nama lain patih Bujang Ganong manakala penari kuda kepang juga nama lainnya adalah Jathil.

Tambahan lagi, terdapat persembahan kumpulan Reog yang lain berbentuk watak komedi dan memakai topeng juga dikenali sebagai Pentulan. Persembahan Reog memerlukan pemain-pemain alat muzik yang terdiri daripada empat hingga enam orang disertai dengan beberapa peralatan muzik seperti gong, kethuk, kendang, kenong, angklung dan trompet. Gamelan juga turut digabungkan dalam persembahan Reog yang menjadikan ia lebih unik. Bunyian gamelan dan liriknya menimbulkan sesuatu semangat spritual. Melalui penjelasan yang diberikan oleh En. Miskon sebagai Ketua Pusat Kebudayaan Setia Budi menyatakan bahawa persembahan Reog, kuda kepang, tarian Bujang Ganong tidak lagi menggunakan ritual kerana berkait dengan aspek agama Islam. Oleh itu, berdasarkan kenyataan yang diberikan menunjukkan bahawa terhadapnya kajian yang jelas untuk mengetahui unsur-unsur ritual di dalam persembahan tarian Bujang Ganong.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang dirangka oleh pengkaji dalam melaksanakan dan menjalankan kajian ini, antaranya ialah:

- I. Adakah terdapat unsur-unsur ritual di dalam tarian Bujang Ganong?
- II. Apakah tarian Bujang Ganong?
- III. Bagaimanakah penjelasan persembahan tarian Bujang Ganong di dalam ciri-ciri persamaan genre pada teori "*The Fan*" oleh Richard Schechner (1985)?

1.5 Objektif Kajian

Melalui penulisan dan kajian ini, pengkaji telah menetapkan tiga objektif yang dicapai oleh pengkaji dalam persembahan tarian Bujang Ganong berdasarkan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Setia Budi, Batu Pahat, Johor.

- I. Mengenal pasti unsur-unsur ritual di dalam persembahan tarian Bujang Ganong
- II. Mengkaji persembahan tarian Bujang Ganong
- III. Menghuraikan persembahan tarian Bujang Ganong berdasarkan ciri-ciri persamaan genre pada teori "*The Fan*" oleh Richard Schechner (1985)

1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepentingan kajian ini adalah untuk menjadi pengetahuan atau bahan rujukan bagi masyarakat umum supaya mengetahui keunikan terhadap kesenian di dalam persembahan tarian Bujang Ganong di Kampung Parit Nipah, Batu Pahat, Johor.

1.7 Kaedah Penyelidikan

Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian kualitatif. Kaedah penyelidikan yang dijalankan bagi memperolehi data-data kajian ini adalah melalui bacaan daripada sumber perpustakaan, artikel dan jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian, kaedah temubual, pemerhatian, dan rakaman video.

Kaedah pertama yang dijalankan adalah kaedah temubual. Pengkaji menemubual responden iaitu En. Miskon bin Karim sebagai ketua Pusat Kebudayaan dan Kesenian Setia Budi untuk dapatan data primer iaitu temubual bagi mengfokuskan kesenian tarian Bujang Ganong dan mengetahui unsur-unsur ritual di dalam tarian tersebut. Selain itu, kaedah pemerhatian juga digunakan untuk mendapatkan tambahan maklumat dalam kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat sendiri perjalanan proses bagi persembahan tarian Bujang Ganong secara langsung.

Kaedah kedua yang digunakan oleh pengkaji bagi memperolehi data adalah melalui rakaman video. Melalui pemerhatian dan rakaman video serba sedikit dapat membantu untuk pengkaji mendapatkan data.